

Operasi di KLIA kembali normal

Malaysiakini

25 Ogos 2019

Operasi di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) kembali normal pagi ini selepas mengalami kegagalan peralatan rangkaian sejak Rabu lepas.

Tinjauan Bernama sehingga 9.30 pagi ini mendapati, penumpang berurusan seperti biasa, proses mendaftar masuk berjalan lancar dan Sistem Paparan Maklumat Penerbangan (FIDS) pulih dengan memaparkan maklumat terkini.

Keadaan yang semakin baik itu berikutan penggantian peralatan rangkaian dibuat pada 23 Ogos lalu seperti yang diumumkan oleh Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB).

Jurucakap MAHB berkata sistem itu dilihat ada kemajuan positif selepas penggantian namun ia masih dipantau pasukannya kerana wujud beberapa isu berkala.

Difahamkan, MAHB akan mengeluarkan kenyataan media mengenai status

terkini keadaan di lapangan terbang itu petang ini.

Gangguan teknikal terhadap Sistem Pengurusan Keseluruhan Lapangan Terbang (TAMS) sebelum ini menyebabkan penerbangan tertangguh, penumpang terpaksa beratur panjang dan berasa kecewa.

Ia juga menjejaskan fungsi utama seperti sambungan Wi-Fi, FIDS, kaunter daftar masuk dan sistem pengendalian bagasi.

Jumlah Duta Airport CARE juga dilihat berkurangan berbanding sebelum ini.

Mereka bekerja sejak gangguan itu berlaku bagi memastikan keselesaan penumpang dan turut mengedarkan makanan kepada penumpang yang beratur panjang.

Tweet daripada Khyun0409 pada 7.45 pagi menyatakan: "Dah okay dah. Me lining up to get ticket now. Klia2 not sure. Klia already back to normal" (Sudah OK. Saya beratur untuk mendapatkan tiket sekarang. Klia2 tidak pasti. KLIA sudah kembali normal).

Seorang lagi pengguna Twitter gunaseelank menulis pada 9 malam tadi :"#MYairportsupdates it's looking pretty calm and peaceful at KLIA. Just checked

in to KLM flight. Thanks @MY_Airports for working hard to get things slowly back to normal" (#MYairportsupdates kelihatan tenang di KLIA. Baru mendaftar masuk ke penerbangan KLM. Terima kasih @MY_Airports kerana bekerja keras dan memastikan operasi kembali normal).

- Bernama

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/489363>